

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 JANUARI 2024  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 20

Hanya 1,613,454 kemas kini maklumat di Padu

# Hanya 1,613,454 kemas kini maklumat di Padu

**Kuala Lumpur:** Hanya 1,613,454 individu daripada 30.08 juta orang yang didaftarkan, mengemas kini maklumat mereka dalam sistem Pangkalan Data Utama (Padu) setakat kelmarin.

Menurut maklumat dikongsikan dalam Facebook Padu, sejak dilancarkan 2 Januari lalu, Selangor merekodkan jumlah tertinggi kemas kini maklumat Padu dengan 292,534 orang, diikuti Sarawak (201,399), Johor (164,235), Perak (133,369), dan Sabah (124,375).

Padu dalam hantaran berasingan memaklumkan penjawat awam diminta mengemas kini

maklumat dan data dalam sistem Padu selewat-lewatnya 15 Februari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika melancarkan Padu berkata, sistem itu antara lain bertujuan meningkatkan kecekapan pengurusan bagi memudahkan pengumpulan, penyimpanan, dan pengurusan data dari pelbagai sumber.

Ia juga bertujuan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan ke arah lebih baik dan efisien kepada rakyat.

Orang ramai yang ingin membuat pengemaskinan PADU boleh ke pautan [www.padu.gov.my](http://www.padu.gov.my). -Bernama